



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
ACCOUNTANT GENERAL'S DEPARTMENT
MALAYSIA
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana
Presint 2
62594 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel:603-8882 1000
Faks (Fax): 603-8882 1042
Laman Web(Web): www.anm.gov.my

Ruj. Kami : ANM/SPP/M/4/7 Jilid.6(21)

Tarikh 08 Oktober 2015

Seperti **Senarai Edaran**

YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan / Puan,

LAYANAN GST KE ATAS PEROLEHAN KERAJAAN BERKAITAN BAYARAN PUKAL

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas dan surat Kementerian Kewangan Malaysia Ruj.0.3865/356(SJ.4)(Jld.22)(SK.24)(23) bertarikh 30 Jun 2015.

2. Dimaklumkan bahawa pelepasan GST telah diberikan kepada Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri bagi kontrak- kontrak perolehan perkhidmatan bukan perunding yang tidak dikenakan cukai perkhidmatan sebelum 1 April 2015. Walau bagaimanapun, pelepasan GST tersebut tidak meliputi bayaran pukai seperti bekalan (*supply*) perkhidmatan telekomunikasi, pembentungan, perjalanan udara, Touch n Go, sewaan bangunan dan sewaan serta penyelenggaraan kenderaan kereta jabatan. Ini bermaksud Pejabat Perakaunan perlu membayar GST yang dikenakan oleh pembekal perkhidmatan tersebut.


3. Manakala bayaran pukai bagi bekalan air dan elektrik pula tidak dikenakan GST disebabkan bekalan air dan elektrik adalah dikategorikan sebagai bekalan barang (*goods*) dan tertakluk dibawah Butiran 3, Perintah GST (Pelepasan) 2014.

4. Bersama-sama ini disertakan surat berkenaan untuk rujukan pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi & Integriti Merealisesi Perakaunan Akruan"

Saya yang menurut perintah,


(TARMIZI BIN TAMBI CHIK)
Ketua Penolong Pengarah Kanan
b.p. Pengarah
Bahagian Khidmat Perunding,
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

PAT

Pada awal bulan Mei 2015
PTJ telah selesai melalui
portal PAM.

BN 15/18



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8000 8000
Faks : 03-8882 3893
03-8882 3894
Web : www.treasury.gov.my

0.3865/356(SJ.4)(Jld.22)(SK.24)(23)

30 Jun 2015

Ketua Pengarah Kastam
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian GST
Aras 3 & 4, Blok A, Menara Tulus
No.22, Persiaran Perdana
Presint 3
61200 PUTRAJAYA
(u.p: Pn. Amarjit Kaur a/p Maktiar Singh)



Puan,

Layanan GST Ke Atas Perolehan Kerajaan Berkaitan Bayaran Pukal

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana puan sedia maklum, YB Menteri Kewangan telah memberi pelepasan kepada Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri dari membayar GST ke atas kontrak perolehan perkhidmatan bukan perunding yang tidak dikenakan cukai perkhidmatan sebelum 1 April 2015 yang sedang berkuatkuasa di mana SST telah ditandatangani sebelum 1 April 2015 dan tempoh kontrak melangkaui tarikh tersebut. Pelepasan diberi sehingga 31 Mac 2017 atau tarikh tamat kontrak, mana yang terdahulu. Surat Kementerian ini bertarikh 12 Mei 2015 adalah dirujuk.

3. Adalah dimaklumkan bahawa pelepasan yang diberikan tersebut tidak meliputi bayaran pukal seperti bekalan (*supply*) perkhidmatan telekomunikasi, pembentungan, perjalanan udara, Touch n Go, sewaan bangunan dan sewaan serta penyelenggaraan kenderaan kereta jabatan. Ini bermaksud Pejabat Perakaunan perlu membayar GST yang dikenakan oleh pembekal perkhidmatan tersebut.

4. Namun begitu, bekalan air dan elektrik yang juga merupakan salah satu jenis bayaran pukal adalah tidak dikenakan GST. Ini disebabkan kerana Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri telah diberi pelepasan dari membayar GST ke atas bekalan barang (*goods*) berdasarkan Butiran 3, Perintah GST (Pelepasan) 2014. Bagi maksud GST, bekalan air dan elektrik termasuk bekalan penyejukan (*refrigeration*), penyaman udara (*air-conditioning*) atau pengudaraan (*ventilation*) adalah merupakan bekalan barang (*goods*). Perenggan 4, Jadual Pertama, Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 adalah berkaitan.

5. Pihak puan adalah dipohon untuk memaklumkan perkara ini kepada umum terutamanya kepada Jabatan Kerajaan yang berkaitan. Perhatian puan mengenai perkara di atas amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(Khodijah binti Abdullah)
Setiausaha Bahagian Cukai,
b.p Ketua Setiausaha Perbendaharaan.